

## PROSES PEMBENTUKAN INSTRUMEN KEBAHAGIAAN SUBJEKTIF ORANG KURANG UPAYA-FIZIKAL (IKSOKU-F)

**Ferlis Bullare @ Bahari**  
**Murnizam Halik**  
Universiti Malaysia Sabah

**Rosnah Ismail**  
Universiti Malaysia Perlis

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan untuk membentuk Instrumen Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (IKSOKU-F). Instrumen ini terdiri daripada dua skala iaitu Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (SDKSOKU-F) dan Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif Orang Kurang Upaya-Fizikal (SSKSOKU-F). Seramai 29 OKU-Fizikal (20 lelaki & 9 perempuan) yang berumur antara 18 hingga 55 tahun dijadikan responden kajian. Seramai 15 orang (51.7%) responden dikategorikan sebagai hilang keupayaan fizikal secara congenital dan 14 orang (48.3%) dikategori sebagai hilang keupayaan fizikal secara acquired. Dari segi jenis kekurangupayaan fizikal: kecederaan saraf tunjang (34.5%), limb defect congenital (17.3%), putus kaki (10.3%), polio (10.3%), cerebral palsy (10.3%), Guillain-Barré syndrome, GBS, kerdil, limb defect acquired, spastik, dan kecederaan saraf tunjang dan putus kaki (OKU-F pelbagai) masing-masing seorang (3.4%). Proses pembentukan Instrumen Kebahagiaan Orang Kurang Upaya-Fizikal (IKSOKU-F) adalah berdasarkan dapatan kajian fasa kualitatif menggunakan grounded theory. Dalam kajian kualitatif grounded theory, kategori teras yang ditemui adalah kebahagiaan subjektif yang mempunyai enam dimensi iaitu kepuasan, sendiri, makna hidup, emosi, kesejahteraan rohani dan pemikiran positif. Sementara itu, terdapat 10 sumber atau faktor kebahagiaan OKU-F yang dijangka memberi pengaruh kepada kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu interaksi sosial, sokongan penjaga/keluarga, sokongan rakan, sokongan institusi, sokongan peralatan, kebolehasan, kesaksamaan, pencapaian, kebebasan, dan kesihatan fizikal. Kategori dan properties yang berjaya diperoleh dalam kajian kualitatif grounded theory kemudiannya digunakan untuk membina item bagi mengukur dimensi dan sumber kebahagiaan OKU-F. Terdapat dua panduan dan rujukan penting dalam proses pembinaan item daripada dapatan kajian kualitatif iaitu daripada Creswell dan Plano Clark (2011) dan Rosenbaum (2011). Kedua-dua panduan dan rujukan tersebut memberi fokus kepada cara membina item hasil daripada dapatan kajian kualitatif grounded theory. Creswell dan Plano-Clark (2011) menyatakan bahawa penyelidik mixed methods boleh menggunakan kategori teras sebagai konstruk kuantitatif, kategori umum sebagai skala yang boleh diukur, kod individu digunakan sebagai pembolehubah, dan kenyataan spesifik daripada individu boleh digunakan sebagai item spesifik atau pernyataan dalam instrumen (Creswell & Plano Clark, 2011: 188 & 246). Rosenbaum (2011) telah memberi contoh ilustrasi bagaimana item dapat dibina hasil daripada kajian kualitatif grounded theory. Penerangan lebih lanjut dibincangkan dalam penulisan artikel ini. Pembentukan IKSOKU-F membolehkan OKU-F mengetahui dimensi dan sumber kebahagiaan mereka dengan cara yang lebih saintifik dan objektif.*

**Kata Kunci:** Kebahagiaan Subjektif, Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F),  
*Grounded Theory, Mixed Methods*  
**SAPJ Code:** 3010, 3060, 2100

## PENGENALAN

Bahagian ini menerangkan tentang proses dan langkah pembentukan Instrumen Kebahagiaan Subjektif Orang kurang Upaya-Fizikal (IKSOKU-F) yang terdiri daripada dua skala iaitu Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SDKSOKU-F) dan Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SSKSOKU-F). Beberapa panduan dan cara membentuk sesuatu alat ukuran atau instrumen psikologi seperti saranan Furr (2011: 6), Dunn (2009: 165) dan DeVellis (1991) iaitu 1) tentukan topik, konstruk, konteks dan sampel, 2) tentukan pentadbiran jenis instrumen sama ada menggunakan pensil dan kertas atau tinjauan menggunakan internet, 3) tentukan skala pengukuran dan menjana item, 4) merangka draf awal soal selidik dan penilaian kesahan muka dan kandungan, 5) pemurnian instrumen, 6) sertakan instrumen atau skala yang lain untuk uji kesahan item, 7) pentadbiran instrumen ke atas kumpulan sampel kajian, 8) pengujian ciri psikometrik seperti penilaian item, varians item, kesahan dan kebolehpercayaan, 9) analisis data, dan 10) pembentukan skala akhir. Onwuegbuzie, Bustamante dan Nelson (2010) pula telah memperkenalkan 10 proses pembentukan dan kesahan konstruk instrumen. Namun demikian, penyelidik menggunakan panduan daripada Creswell dan Plano Clark (2011) iaitu melibatkan tujuh proses dan langkah. Proses dan langkah yang dikemukakan oleh Creswell dan Plano Clark (2011) bertepatan dan bersesuaian dengan rekabentuk *mixed method (sequential exploratory design)* yang penyelidik gunakan dalam kajian ini.

## PROSES DAN LANGKAH PEMBENTUKAN IKSOKU-F

### ***Kenal pasti dimensi dan sumber kebahagiaan OKU-Fizikal***

Dimensi dan sumber kebahagiaan dalam kalangan Orang Kurang Upaya-Fizikal (OKU-F) diperolehi daripada fasa kajian kualitatif menggunakan metod *Grounded Theory*. Hasil kajian menunjukkan bahawa kategori teras atau utama yang ditemui ialah kebahagiaan subjektif yang mempunyai enam dimensi iaitu 1) kepuasan, 2) sendiri, 3) emosi, 4) makna hidup, 5) kesejahteraan rohani dan 6) pemikiran positif. Sementara itu, konstruk yang terbentuk daripada metod *Grounded Theory* juga memberi fokus kepada konstruk yang spesifik iaitu 10 sumber kebahagiaan subjektif OKU-F merangkumi 1) interaksi sosial, 2) sokongan penjaga/keluarga, 3) sokongan rakan, 4) sokongan institusi, 5) sokongan peralatan, 6) kebolehaksesan, 7) kesaksamaan, 8) kebebasan, 9) pencapaian dan 10) kesihatan fizikal.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengambil kira dimensi dan sumber kebahagiaan untuk dijadikan sebagai instrumen kebahagiaan subjektif OKU-F walhal beberapa pengkodan teoritikal yang telah dijana semasa metod *Grounded Theory* iaitu strategi kebahagiaan, cabaran kebahagiaan, konteks kebahagiaan dan kesan kebahagiaan. Beberapa sebab mengapa hanya dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif sahaja diambil kira dalam membentuk instrumen kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu salah satunya kenyataan daripada Creswell dan Plano Clark (2011: 218) yang menyatakan bahawa seseorang penyelidik boleh menggunakan data (dalam konteks kajian ini ialah enam dimensi kebahagiaan subjektif dan 10 sumber kebahagiaan subjektif OKU-F) bagi hasil kajian metod *Grounded Theory* yang signifikan untuk dijadikan sebagai item atau soalan pada instrumen kajian.

Selain itu, jika penyelidik mengambil kira kesemua aspek untuk dijadikan sebagai item dalam instrumen, dikhuatiri item yang dibentuk terlalu banyak dan membebankan responden kajian. Misalnya, Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SDKSOKU-F) mengandungi 58 item

dan Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SSKSOKU-F) mengandungi 66 item. Maklumat profil demografi pula terdiri daripada 17 item, alat ukur piawai yang mengukur kebahagiaan juga digunakan dalam kajian ini iaitu *Sense of Well-Being Inventory (SWBI)* dan *Satisfaction with Life Scale (SWLS)* masing-masing mengandungi 7 item dan 5 item. Secara keseluruhannya, Instrumen Kebahagiaan Subjektif OKU-F (IKSOKU-F) mengandungi 153 item.

Furr (2011) telah menimbulkan dua isu dalam mengenal pasti sesuatu dimensi atau konstruk yang hendak diukur iaitu adakah ia bersifat multidimensi atau unidimensi dan jika sesuatu dimensi atau konstruk bersifat multidimensi, adakah sub-skala dimensi atau konstruk yang dibentuk berkorelasi atau tidak berkorelasi antara satu sama lain? Dalam kajian ini, dimensi atau konstruk kebahagiaan subjektif dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F adalah bersifat multidimensi kerana dimensi kebahagiaan subjektif OKU-F mengandungi enam sub-skala dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F mengandungi 10 sub-skala. Memandangkan dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F bersifat multidimensi dan sub-skala bagi kedua-duanya adalah berkorelasi antara satu sama lain, justeru penyelidik menggunakan metod putaran *oblique* kerana putaran *oblique* membolehkan penyelidik dapat memahami skala yang dibentuk dengan lebih jelas lagi (Furr, 2011).

### ***Pembentukan Item***

Item bagi mengukur dimensi kebahagiaan subjektif dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F adalah hasil daripada fasa kualitatif (metod *Grounded Theory*) dan juga berdasarkan saranan dan panduan yang dikemukakan oleh Creswell dan Plano Clark (2011). Sebanyak 58 item telah dibentuk bagi mengukur enam dimensi kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu 1) kepuasan, 2) sendiri, 3) emosi, 4) makna hidup, 5) kesejahteraan rohani dan 6) pemikiran positif. Sementara itu, sebanyak 66 item dibentuk bagi mengukur sumber kebahagiaan subjektif OKU-F iaitu 1) interaksi sosial, 2) sokongan penjaga/keluarga, 3) sokongan rakan, 4) sokongan institusi, 5) sokongan peralatan, 6) kebolehasesan, 7) kesaksamaan, 8) kebebasan, 9) pencapaian dan 10) kesihatan fizikal.

Menurut Creswell dan Plano Clark (2011), penyelidik *mixed methods* boleh menggunakan kategori asas atau utama sebagai konstruk kuantitatif. Kebahagiaan subjektif merupakan kategori asas dalam kajian ini. Selain itu, tema atau kategori yang umum boleh dijadikan sebagai skala yang boleh diukur. Dalam konteks kajian penyelidik, terdapat dua skala atau kategori yang digunakan dalam membentuk instrumen kebahagiaan iaitu skala dimensi kebahagiaan dan skala sumber kebahagiaan subjektif OKU-F. Creswell dan Plano Clark (2011) juga menerangkan bahawa kod (sub-skala) daripada responden semasa fasa kualitatif boleh dijadikan sebagai pembolehubah. Terdapat enam sub-skala bagi dimensi kebahagiaan subjektif dan 12 sub-skala sumber kebahagiaan subjektif OKU-F telah dijana semasa kajian fasa kualitatif. Akhir sekali, indikator atau kenyataan spesifik daripada responden boleh digunakan untuk dijadikan sebagai spesifik item atau soalan dalam instrumen yang dibina. Pembentukan item dan sub-skala yang diperolehi daripada hasil kajian kualitatif iaitu melalui pembentukan tema/kategori, kod dan indikator/kenyataan spesifik responden dapat digeneralisasikan kepada sampel yang lebih besar, luas dan pelbagai. Jadual 1 memaparkan proses pembentukan kategori dan *properties* bagi dimensi kepuasan dan dimensi emosi.

**Jadual 1**  
***Proses Pembentukan Kategori (Dimensi Kepuasan dan Emosi) dan Properties***


<b>Dimensi Kebahagiaan</b>	<b>Properties</b>	<b>Open Codes</b>	<b>Indikator/Kenyataan/Kata Kunci</b>
1. Kepuasan	Kepuasan bila mencapai sesuatu matlamat	Kepuasan	FGI 2 (64)-R14 <sub>CL</sub> Cth: "Lagi bahagia, macam sekarang, apa yang saya mahu buat, saya boleh buat, jadi saya rasa bahagia, macam saya rasa "yahuu".
	Berasa puas membantu OKU dan bukan OKU	Rasa senang apabila membantu orang	FGI 2 (17)-R11 <sub>CL</sub>
	Kepuasan secara umum	Puas	FGI 2 (22)-R14 <sub>CL</sub>
	Rasa puas bila berjaya mengatasi kemampuan bukan OKU	Kepuasan	FGI 1 (64)-R8 <sub>AL</sub>
2. Emosi	Emosi positif (gembira, seronok)	Senang, gembira, seronok	FGI 2 (3)-R12 <sub>CL</sub> ; FGI 2 (28)-R14 <sub>CL</sub> ; FGI 2 (37)-R16 <sub>CP</sub> ; FGI 2 (45)-R13 <sub>CP</sub>
	Emosi positif (gembira) dan negatif (sedih)	Gembira dan sedih	FGI 2 (4)-R12 <sub>CL</sub>
	Ekspresi tingkahlaku positif (ketawa)	Gembira dan ketawa	FGI 2 (13)-R13 <sub>CP</sub>
	Emosi positif (tenang) vs negatif (stres)	Rasa damai dan tiada stres	FGI 2 (42)-R13 <sub>CP</sub>

FGI 2 = *Focus Group Interview 2*  
 (64) = Indikator/Kenyataan/Kata Kunci  
 R14<sub>CL</sub> = Responden Ke-14; OKU *Congenital* & Lelaki  
*Properties* = Ciri kepada dimensi kepuasan

Setelah penyelidik selesai membentuk kategori dan *properties* bagi keenam-enam dimensi kebahagiaan dan 12 sumber kebahagiaan subjektif OKU-F, penyelidik kemudiannya membentuk item yang lengkap bagi mengukur konstruk yang tertentu. Pembentukan item adalah berdasarkan gabungan dua panduan yang telah dikemukakan oleh Creswell dan Plano Clark (2011) dan Rosenbaum (2011). Creswell dan Plano Clark (2011) menyatakan bahawa penyelidik boleh menggunakan indikator atau kenyataan yang spesifik untuk dijadikan sebagai item kajian sementara Rosenbaum (2011) pula menyatakan bahawa item sesuatu alat ukur boleh dibentuk dengan menggunakan *properties* bagi kategori sebagai asas pembentukan item.

Rosenbaum (2011) telah menerangkan cara pembentukan item bagi sesuatu alat ukuran berdasarkan hasil kajian *Grounded Theory* secara grafik. Rajah 1 merupakan penerangan secara grafik mengenai kategori asas atau kategori utama (misalnya sokongan sosial) dan tiga konsep yang berkaitan dengan *properties* (A – *Companionship*; B – Sokongan Emosi; C – *Household/chore assistance*) yang mana telah diperolehi dan disokong oleh data kualitatif (Martin & Gynnild, 2011: 286). Setelah penyelidik menjana model teoritikal dalam kajian *Grounded Theory*, penyelidik telah

menggunakan konsep yang berkaitan *properties* A, B dan C sebagai item soal selidik dan menggunakan skala *Likert* lima mata sebagai skala pengukuran iaitu 1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = neutral; 4 = setuju; dan 5 = sangat setuju. Penggunaan skala *Likert* lima mata diterangkan dengan lebih terperinci dalam proses seterusnya.



**Rajah 1: Kategori asas (konsep) dengan tiga indikator (item)**

Selepas mengenal pasti konsep dan indikator dalam kajian kualitatif (*Grounded Theory*), penyelidik kemudiannya membina item yang mewakili sub-skala bagi dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F. Sepertimana yang telah disebut sebelum ini, pembentukan item adalah berdasarkan gabungan dua panduan yang telah dikemukakan oleh Creswell dan Plano Clark (2011) dan Rosenbaum (2011). Creswell dan Plano Clark (2011) mencadangkan indikator atau kenyataan spesifik responden diambilkira untuk membina item sementara Rosenbaum (2011) menyatakan bahawa item boleh dibentuk dengan menggunakan *properties* bagi kategori. Penyelidik telah menggunakan kedua-dua pendekatan untuk membentuk item soal selidik bagi mengukur dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F. Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan contoh pembentukan item bagi dimensi kepuasan dan dimensi emosi.

**Jadual 2**  
**Contoh Pembentukan Item Dimensi Kepuasan OKU-F**

Bil	Item	STS	TS	N	S	SS
1	Saya berasa puas dengan pencapaian yang saya perolehi	1	2	3	4	5
2	Saya berasa puas bila dapat membantu orang lain	1	2	3	4	5
3	Saya berasa puas dengan kehidupan saya sekarang	1	2	3	4	5
4	Saya berasa puas bila berjaya menyamai kemampuan bukan OKU	1	2	3	4	5
5	Saya berasa puas bila berjaya mengatasi kemampuan bukan OKU	1	2	3	4	5

Nota: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju

**Jadual 3**  
**Contoh Pembentukan Item Dimensi Emosi OKU-F**

Bil	Item	STS	TS	N	S	SS
1	Saya berasa gembira	1	2	3	4	5
2	Saya berasa seronok	1	2	3	4	5
2	Saya berasa sedih	1	2	3	4	5
3	Saya berasa tenang	1	2	3	4	5
4	Saya berasa stres	1	2	3	4	5

Nota: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju

Selain menggunakan dua pendekatan daripada Creswell dan Plano Clark (2011) dan Rosenbaum (2011), pembentukan item bagi Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SDKSOKU-F) dan Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SSKSOKU-F) juga mengambil kira aspek penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh responden kajian. Brown (1983) menyatakan bahawa antara perkara penting yang perlu ada dalam suatu ujian atau alat ukur ialah item-item soalan yang dibentuk perlu jelas. Item yang jelas dan mudah difahami oleh responden merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesahan sesuatu alat ukur. Sekaran (2010: 236) juga menitikberatkan dari segi aspek perkataan dan bahasa dalam proses pembentukan item soal selidik. Item atau soalan yang terlalu teknikal dan menggunakan bahasa saintifik menyebabkan responden sukar memahami makna dan maksud yang ingin dikemukakan oleh penyelidik. Oleh itu, penyelidik telah membentuk item yang mudah difahami khususnya oleh golongan OKU-F yang majoritinya tidak mendapat pendidikan formal di sekolah. Item yang terdapat pada SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F telah melalui semakan penggunaan bahasa oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bagi memastikan sama ada item SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F difahami oleh responden OKU-F, penyelidik telah melakukan *pre-test* ke atas enam orang OKU-F. Mereka telah menyemak dan meneliti kesemua item dalam Instrumen Kebahagiaan Subjektif OKU-F (IKSOKU-F) termasuk 1) SDKSOKU-F, 2) SSKSOKU-F, 3) profil demografi responden, 4) *Sensory Well-Being Inventory (SWBI)*, dan 5) *Satisfaction with Life Scale (SWLS)*. Komen dan cadangan daripada keenam-enam responden telah diambil kira dan dimurnikan oleh penyelidik. Setelah proses *pre-test*, penyelidik telah mentadbir IKSOKU-F ke atas seramai 20 OKU-F iaitu kajian awal. Hasil kajian awal dibincangkan dalam langkah atau proses ketujuh. Berikut merupakan beberapa contoh item dalam SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F:

#### **Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SDKSOKU-F)**

1. Saya berasa puas dapat mencapai matlamat hidup setelah melalui pelbagai rintangan hidup
2. Saya puas hati dengan kemudahan akses OKU
3. Saya berasa puas dapat hidup berdikari
4. Saya dapat menyenangkan hati orang lain
5. Saya bersyukur dengan apa yang saya perolehi sekarang

#### **Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SSKSOKU-F)**

1. Saya dapat bermesra dengan ahli keluarga
2. Rakan menerima diri saya seadanya
3. Saya berasa selesa menggunakan peralatan sekarang
4. Saya dapat hidup berdikari tanpa menyusahkan orang lain
5. Saya mendapat kesaksamaan dalam aspek penyediaan kemudahan awam

Selain meneliti ciri bahasa dalam alat ukur kebahagiaan subjektif OKU-F, penyelidik juga menitikberatkan beberapa aspek penting yang lain seperti kandungan yang relevan dan bilangan item dalam kedua-dua skala. Item-item yang terkandung dalam SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F merupakan item yang mengukur dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F. Pemilihan item dalam kedua-dua skala adalah berdasarkan hasil kajian metod *Grounded Theory* dan pembentukan item berkenaan dipandu oleh saranan dan kaedah yang ditunjukkan oleh Creswell dan Plano Clark (2011) dan Rosenbaum (2011). Kesemua item yang telah dibentuk telah disemak dari segi kesahan muka oleh pakar dalam bidang psikologi dan pengukuran bertujuan agar item-item tersebut berupaya mengukur dimensi dan sumber kebahagiaan OKU-F.

Jika diteliti kembali, item-item yang mengukur dimensi kebahagiaan subjektif adalah item-item yang melibatkan aspek emosi atau afek, tingkah laku dan kognitif atau pemikiran. Ketiga-tiga aspek ini merupakan konstruk penting dalam psikologi dan khususnya dalam pengukuran psikologi kebahagiaan. Akhir sekali, bilangan item pada satu-satu skala atau alat ukur juga perlu diberi perhatian. Furr (2011) menyatakan bahawa teori psikometrik tradisional mencadangkan skala yang mengandungi item yang lebih banyak mempunyai tahap kebolehppercayaan yang lebih baik berbanding skala yang mengandungi item yang sedikit namun ia juga bergantung kepada kemampuan seseorang responden untuk menjawab skala yang melibatkan item yang banyak.

### **Penentuan Skala Pengukuran**

Penyelidik menggunakan skala *Likert* lima mata bagi SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju; 2 = Tidak Setuju; 3 = Neutral; 4 = Setuju; 5 = Sangat Setuju. Skala pengukuran jenis ini membolehkan responden memberi respons mengenai tahap persetujuan mereka berkenaan satu-satu item yang dikemukakan kepada mereka (Furr, 2011). Skala pengukuran *Likert* lima mata juga mudah difahami oleh responden kajian kerana ia melibatkan hanya lima pilihan jawapan berbanding skala tujuh, sembilan dan 10 mata. Selain itu, skala pengukuran jenis ini juga mewakili perbezaan *psychologically-equal* antara pilihan jawapan (Furr, 2011).

Salah satu ciri yang sering diberi perhatian semasa proses pembentukan skala atau alat ukur ialah *psychologically-neutral mid-points* yang diberi label neutral dalam kajian ini. Ciri *mid-points* hanya wujud dalam skala pengukuran yang mengandungi label yang ganjil seperti skala *Likert* lima mata dan tidak wujud pada skala empat mata atau enam mata. *Mid-points* juga membolehkan seseorang responden memberi respons yang neutral mengenai satu-satu item. Jika *mid-points* atau respons neutral tidak ada dalam sesuatu alat ukur, responden akan mengalami kesukaran untuk memberi respons jika ada item-item yang tidak mewakili diri responden. Oleh sebab itu, seseorang responden yang tidak dapat membuat keputusan sama ada setuju atau tidak setuju mana-mana item mempunyai pilihan iaitu memilih respons neutral. Dengan cara ini, respons yang bersifat *forcing* iaitu terpaksa menjawab sangat tidak setuju, tidak setuju ataupun setuju dan sangat setuju dapat dielakkan. O'Muircheartaigh *et al.* (2000) (dlm. Furr, 2011) telah membuktikan bahawa penggunaan *mid-points* dalam sesuatu skala atau alat ukur mampu meningkatkan kualiti psikometrik sesuatu skala atau alat ukur.

### **Analisis Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan oleh Pakar**

Sesuatu skala atau alat ukur perlu dinilai dari aspek kesahan muka dan kesahan kandungan oleh mereka yang pakar dalam bidang tertentu, pakar pengukuran dan juga pakar bahasa. Menurut Tuckman (1978), kesahan sesuatu ujian menggambarkan sejauhmana skala atau alat ukur tersebut mengukur apa yang sepatutnya diukur. Murphy dan Davidshover (1998) (dlm. Sidek Mohd Noah, 2005) menyatakan terdapat empat cara menentukan kesahan alat ukur iaitu kesahan kandungan, kesahan konstruk, kesahan ramalan dan kesahan serentak. Kesahan kandungan memberi fokus kepada kepada kandungan item-item dalam skala atau alat ukur. Mohd Majid Konting (1998) menyarankan bahawa bagi meningkatkan kesahan kandungan sesuatu alat ukur, penyelidik disyorkan untuk mendapatkan penilai luar. Penilai luar bertugas sebagai penilai bagi memastikan konstruk yang terkandung dalam alat ukur tersebut boleh mewakili bidang yang

dikaji. Menurut Mohd Majid Konting lagi, penilai luar biasanya terdiri daripada pakar dalam bidang yang berkaitan dengan bidang yang dikaji oleh penyelidik.

Dalam kajian ini, Instrumen Kebahagiaan Subjektif OKU-F (IKSOKU-F) telah dinilai oleh dua orang Profesor dalam bidang Psikologi, seorang Profesor dalam bidang Ujian dan Pengukuran, seorang dalam bidang Psikologi Positif, seorang dalam bidang kepakaran OKU dan seorang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah membuat semakan IKSOKU-F dari aspek penggunaan bahasa. Setelah kesemua pakar telah membuat semakan dan komen, penyelidik telah membuat pentadbiran soal selidik dalam pra-kajian awal dan kajian awal ke atas seramai 20 OKU-F.

### ***Pemilihan Instrumen Kebahagiaan yang Piawai***

Selain mentadbir dan menguji ciri psikometrik SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F, penyelidik juga telah menggunakan dua skala atau alat ukur piawai yang mengukur kebahagiaan iaitu *Sense of Well-Being Inventory (SWBI)* dan *Satisfaction with Life Scale (SWLS)*. Dalam *SWBI*, terdapat satu sub-skala yang mengukur kesejahteraan psikologi OKU-Fizikal (*Psychological Well-Being, PWB*) yang mengandungi tujuh item (lima item positif dan dua item negatif). *SWBI* telah diperkenalkan oleh Chapin, Miller, Ferrin, Chan dan Rubin (2004) yang melibatkan skala empat mata (sangat tidak setuju ke sangat setuju). *SWBI* dibentuk secara spesifik untuk menilai kesejahteraan dalam kalangan Orang Kurang Upaya-Fizikal dan juga kepada individu yang tinggal dan hidup bersama-sama dengan OKU-F yang alami kecederaan saraf tunjang. Kebolehpercayaan ketekalan dalaman *PWB* bagi sampel OKU-F adalah baik iaitu bernilai 0.79.

*Satisfaction with Life Scale (SWLS)* pula diperkenalkan oleh Diener, Emmons, Larsen, dan Griffin (1985) mengandungi lima item dan jumlah keseluruhan skor *SWLS* mengukur kepuasan hidup secara global iaitu skor tinggi yang dicatat oleh responden menunjukkan kepuasan hidup yang tinggi. Kajian sebelumnya menunjukkan *SWLS* mencatat pekali kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang baik iaitu bernilai antara 0.66 dan 0.81. Korte, Gilbert, Gorman, dan Wegener (2010) telah menggunakan *SWLS* sebagai skala yang mengukur kepuasan hidup dalam kalangan responden OKU-Fizikal yang mengalami kecederaan saraf tunjang dan kajian mereka mendapati nilai pekali kebolehpercayaan ketekalan dalaman *SWLS* mencatat nilai 0.79.

### ***Pentadbiran IKSOKU-F***

Semasa pra-kajian awal, IKSOKU-F telah ditadbir ke atas tiga OKU-Fizikal dan dua orang pelajar PhD yang sedang melakukan kajian dalam bidang kebahagiaan dan psikologi positif. Mereka telah meneliti setiap item IKSOKU-F dan cadangan serta komen yang mereka berikan telah diberi perhatian dan diambil tindakan oleh penyelidik. Selepas melakukan pra-kajian awal, penyelidik seterusnya telah menjalankan kajian awal pada 26 Januari 2013 iaitu ke atas seramai 15 OKU-F. IKSOKU-F mengandungi tiga bahagian yang penting iaitu 1) Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F, 2) Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F, dan 3) Profil Demografi. Jadual 4 menunjukkan kategori responden OKU-F, tempoh menjawab IKSOKU-F dan kaedah responden menjawab IKSOKU-F.



**Jadual 4**  
**Kategori OKU-F, Tempoh dan Kaedah Menjawab IKSOKU-F**

Bil	Responden	Kategori OKU	Tempoh Menjawab (minit)	Kaedah Menjawab
1	R1	Limb Defects (Congenital)	43	Pensil & Kertas
2	R2	Cerebral Palsy	45	Pensil & Kertas
3	R3	Kurang Upaya Pinggang-Kaki	30	Pensil & Kertas
4	R4	Hilang anggota kaki	30	Pensil & Kertas
5	R5	Hilang anggota kaki	34	Pensil & Kertas
6	R6	Cerebral Palsy	34	Pensil & Kertas
7	R7	Spina Bifida	30	Pensil & Kertas
8	R8	Polio	45	Pensil & Kertas
9	R9	Kurang Upaya Tangan (Acquired)	20	Pensil & Kertas
10	R10	Cerebral Palsy	60	Pensil & Kertas
11	R11	Kerdil		Pensil & Kertas
<b>Purata Masa Pensil &amp; Kertas</b>			<b>26.2 minit</b>	
12	R12	Kecederaan Saraf Tunjang	35	Online
13	R13	Cerebral Palsy	30	Online
14	R14	Kecederaan Saraf Tunjang	15	Online
<b>Purata Masa Online</b>			<b>32.5 minit</b>	
15	R15	Spastik	40	E-mel
16	R16	Guillain-Barré syndrome (GBS)	28	E-mel
17	R17	Kecederaan Saraf Tunjang	30	E-mel
18	R18	Kecederaan Saraf Tunjang	25	E-mel
19	R19	Hilang anggota kaki	26	E-mel
20	R20	Limb Defects (Congenital)	34	E-mel
<b>Purata Masa E-mel</b>			<b>30.5 minit</b>	
<b>PURATA MASA KESELURUHAN</b>			<b>31.7 minit</b>	

Berdasarkan Jadual 4, seramai 11 OKU-F menggunakan kaedah pensil dan kertas untuk menjawab IKSOKU-F. Semasa sesi tersebut, penyelidik sendiri telah mengendalikan pentadbiran soal selidik IKSOKU-F. Secara purata, masa yang diambil oleh 11 OKU-F untuk menjawab IKSOKU-F ialah 26.2 minit. Seramai tiga OKU-F pula telah mengisi IKSOKU-F secara *online* yang telah dibentuk sendiri oleh penyelidik dan purata masa ketiga-tiga OKU-F menjawab IKSOKU-F ialah 32.5 minit. Seramai enam OKU-F telah menjawab secara e-mel dan purata yang diambil ialah 30.5 minit. Secara keseluruhannya, purata masa yang diambil oleh 20 OKU-F untuk menjawab IKSOKU-F ialah selama 31.7 minit.

Semasa kajian awal, penyelidik telah membuat pemurnian ke atas beberapa perkataan yang kurang difahami oleh responden kajian dan menggugurkan sebanyak tiga item dalam SSKSOKU-F. Perkataan yang kurang difahami oleh responden seperti "kerohanian", "kritikal", "piawai", "menyamai", "berinteraksi", "penjaga" dan "akses". Jadual 5 menunjukkan perkataan yang kurang difahami oleh responden dan tindakan yang perlu diambil oleh penyelidik khususnya semasa pentadbiran kajian sebenar.

**Jadual 5**  
**Perkataan yang Kurang Difahami oleh OKU-F Semasa Kajian Awal**

Bil	Perkataan	Cadangan responden/tindakan penyelidik
1	Kerohanian	Terangkan kepada bakal responden jika ada responden yang tidak faham istilah
2	Kritikal	Item ini telah dimurnikan
3	Piawai	Standard
4	Menyamai	Terangkan kepada bakal responden jika ada responden yang tidak faham istilah
5	Berinteraksi	Bergaul
6	Penjaga	Berikan contoh: Ibu, bapa, adik beradik, saudara
7	Akses	Kemudahan/beri contoh akses

Sebanyak tiga item telah digugurkan iaitu item B6 (mempunyai penjaga yang komited), item B14 (mempunyai rakan yang komited) dan item B64 (dapat mengawal mobiliti/pergerakan secara sendiri dengan baik). Item B6 dan item B14 digugurkan kerana ada kalangan responden yang tidak memahami makna komited. Meskipun dua item ini digugurkan, terdapat item lain iaitu "mempunyai penjaga yang setia" dan "mempunyai rakan yang setia" yang mengukur konsep yang sama dengan item yang telah digugurkan tadi. Manakala, item B64 iaitu "dapat mengawal mobiliti (pergerakan) secara sendiri dengan baik" digugurkan kerana item ini juga telah diwakili oleh item B51 dan B52.

#### **Penilaian Psikometrik IKSOKU-F**

Bahagian ini menerangkan tentang kebolehpercayaan ketekalan dalaman bagi dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F bagi kajian awal. Pekali kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* dan *Split-Half* digunakan untuk menguji tahap kebolehpercayaan tersebut. Jadual 6 memaparkan keputusan bagi kebolehpercayaan ketekalan dalaman menggunakan pekali *Cronbach Alpha* dan *Split-Half*.

**Jadual 6**  
**Pekali Cronbach Alpha dan Split-Half Bagi Sub-Skala Dimensi dan Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F Bagi Kajian Awal (N = 20)**

Skala	Bilangan Item	Cronbach Alpha	Split-Half
Skala Dimensi Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SDKSOKU-F)	58	0.89	0.82
Skala Sumber Kebahagiaan Subjektif OKU-F (SSKSOKU-F)	66	0.94	0.77

Berdasarkan Jadual 6, nilai pekali *Cronbach Alpha* bagi kedua-dua skala tinggi tinggi iaitu masing-masing mencatat 0.89 dan 0.94. Begitu juga dengan pekali *Split-Half* mendapati tahap kebolehpercayaan yang dicatat oleh SDKSOKU-F iaitu 0.82 lebih tinggi sedikit berbanding SSKSOKU-F iaitu bernilai 0.77. Tidak ada sebarang item yang digugurkan dalam kajian awal ini kerana item yang terkandung dalam kedua-dua skala menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunakan semasa kajian sebenar.

## KESIMPULAN

Proses pembentukan IKSOKU-F yang merangkumi dua bahagian penting iaitu 1) SDKSOKU-F, dan 2) SSKSOKU-F telah dilakukan berpandukan kaedah yang ditunjukkan oleh Creswell dan Plano Clark (2011) iaitu melibatkan tujuh proses dan langkah. Pembentukan SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F adalah berdasarkan hasil kajian semasa fasa kualitatif dan digunakan untuk tujuan generalisasi pada fasa kajian kuantitatif. Selain menerangkan proses pembentukan IKSOKU-F, artikel ini juga telah menunjukkan dapatan kajian bagi tahap kebolehpercayaan ketekalan dalaman SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F berada pada tahap kebolehpercayaan yang baik. Fasa kajian kuantitatif penyelidik melibatkan penerangan dengan lebih terperinci mengenai pengujian dan penilaian ciri psikometrik SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F dalam kalangan responden OKU-F yang lebih ramai iaitu melibatkan seramai 290 orang. Ciri psikometrik yang diuji pada fasa kajian kuantitatif ialah kesahan konstruk dengan menggunakan kaedah *Principal Component Analysis (PCA)* dengan putaran *oblique (promax)*, menguji kesahan konvergen, menguji tahap kebolehpercayaan ketekalan dalaman dan kualiti item SDKSOKU-F dan SSKSOKU-F.

Penghasilan instrumen baru bagi mengukur dimensi dan sumber kebahagiaan subjektif OKU-F memberi sumbangan kepada bidang Psikologi Positif, psikometrik, OKU-F itu sendiri, keluarga OKU-F, pihak kerajaan dan bukan kerajaan. Selain itu, kajian ini juga dapat membekalkan maklumat berguna kepada pihak kerajaan khususnya kepada konsep *Najibnomics* yang diperkenalkan oleh kerajaan iaitu mengambil kira salah satu aspek penting iaitu indeks kebahagiaan dimasukkan dalam konsep *Najibnomics*. Justeru, melalui kajian ini, ukuran kebahagiaan subjektif dalam kalangan OKU-F dapat digunakan dalam usaha kerajaan membentuk indeks kebahagiaan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Brown, F. G. (1983). *Principles of education and psychological testing*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Chapin, M. H., Miller, S.M., Ferrin, J. M., Chan, F., & Rubin, S. E. (2004). Psychometric validation of a subjective well-being measure for people with spinal cord injuries. *Disability and Rehabilitation, 26*, 1135-1142.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. 2011. *Designing and conducting mixed method research* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- DeVellis, R. F. (1991). *Scale development: Theory and application*. Newbury Park, CA: Sage.
- Diener, E., Emmons, R. A., Larsen, R. J., & Griffin, S. (1985). The Satisfaction with Life Scale. *Journal of Personality Assessment, 49*, 71-75.
- Dunn, D. S. (2009). *Research methods for social psychology*. Malden, MA: Wiley-Blackwell.
- Furr, R. M. (2011). *Scale construction and psychometrics*. London: Sage.
- Kortte, K. B., Gilbert, M., Gorman, P., & Wegener, S. T. (2010). Positive psychological variables in the prediction of life satisfaction after spinal cord injury. *Rehabilitation Psychology, 55*(1), 40-47.

- Martin, V. B., & Gynnild, A. (Eds.). (2011). *Grounded theory: The philosophy, method, and work of Barney Glaser*. Boca Raton, Florida: Brown Walker Press.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Onwuegbuzie, A. J., Bustamante, R. M., & Nelson, J. A. (2010). Mixed research as a tool for developing quantitative instruments. *Journal of Mixed Methods Research*, 4(1), 56-78.
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Pengujian dan penilaian dalam kaunseling: Teori dan aplikasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rosenbaum, M. S. (2011). From theoretical generation to verification using structural equation modelling. In Martin, V.B., & Gynnild, A. (Eds.), *Grounded theory: The philosophy, method, and work of Barney Glaser* (pp. 283-295). Boca Raton, Florida: Brown Walker Press.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach (5th ed.)*. New York: John Wiley & Sons.
- Tuckman, B.W. (1978). *Conducting educational research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.